



## **PERKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 12/1972**

### *Pelan Kembaran Bagi Permohonan Memilik Tanah*

Surat Perkeliling ini dikeluarkan dengan tujuan menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai jenis pelan yang boleh digunakan untuk menyokong tiap-tiap permohonan memiliki tanah menurut Kanun Tanah Negara.

2. Seksyen 79(1) Kanun Tanah Negara adalah bermaksud iaitu apabila sesuatu permohonan memiliki tanah itu diluluskan, kelulusan itu mahulah berdasarkan kepada satu pelan tanah beserta butir-butir tanah itu untuk membolehkan kedudukan tanah itu diketahui dan ditentukan sempadan-sempadannya buat sementara sebelum pengukuran halus disiapkan. Kehendak ini memanglah diikuti tetapi kesulitan-kesulitan mungkin timbul jika tanah yang dipohon itu terpencil kedudukannya iaitu berjauhan dengan batu-batu sempadan tanah yang telah diukur.

3. Untuk mengatasi kesulitan yang timbul bagi menentukan kedudukan tanah yang terpencil ini, adalah perlu disediakan satu pelan yang lebih besar anggarannya (scale), sebaik-baiknya anggaran yang berukuran 8 rantai bagi satu inci untuk memenuhi kehendak seksyen 79(1) Kanun Tanah Negara. Jika kedudukan tanah itu didapati tidak sesuai berpandukan kepada batu-batu sempadan tanah yang telah diukur atau berpandukan 'trig station' maka perlulah kedudukan itu diasaskan kepada bukit-bukit dan sungai-sungai atau laut (natural features).

4. Adalah dinasihatkan juga iaitu sesuatu pelan yang dikemukakan oleh pemohon itu janganlah dikurang atau dkecilkan anggarannya oleh kerana pelan

itu akan menunjukkan butir-butir mengenai tanah itu. Jika pelan itu dikurangkan/  
dikecilkan anggarannya kedudukan tanah itu mungkin berubah; misalnya  
kedudukan sekeping tanah mungkin berubah jika satu pelan anggaran 8 rantai  
bagi satu inci dikurangkan atau dikecilkan kepada anggaran satu batu bagi satu  
inci dan pelan itu dilukiskan ke atas 'topo sheet'

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,  
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian*  
*Persekutuan*

P.T.TM 55/72(5)

Kuala Lumpur,  
Jun, 1972